

KESANTUNAN DAN KETIDAKSANTUNAN BERBAHASA PELAJAR DI UUM

Ahmad Fuad Mat Hassan¹

Hishamudin Isam

Mashetoh Abd. Mutalib

Universiti Utara Malaysia.

ABSTRAK

Kesantunan berbahasa merupakan perkara asas untuk menghasilkan aturan sosial dan prasyarat bagi kerjasama sesama manusia dalam mana-mana masyarakat (Gumprez dlm Levinson, 1987). Amalan kesantunan ketika berkomunikasi bukan sahaja dipandang tinggi oleh masyarakat malah ianya merupakan tuntutan dalam setiap agama. Amalan ketidaksantunan berbahasa pula menggambarkan penggunaan bahasa yang melanggar prinsip etika dan tatacara yang telah digariskan oleh agama, budaya dan masyarakat. Kajian ini merupakan dapatan kajian geran penyelidikan RAGS yang bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana amalan kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dipraktikkanketika berkomunikasi. Sebanyak 517 orang responden dipilih untuk ditemu bual dengan menggunakan borang soal selidik dan soalan temu bual. Teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) digunakan dalam kajian ini sebagai landasan bagi membincangkan dapatan kajian.

Kata Kunci: *Kesantunan, Ketidaksantunan, Pelajar UUM*

¹ Sekolah Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia,
afuad@uum.edu.my

PENGENALAN

Kamus Dewan Edisi Empat (2004) mendefinisikan kesantunan sebagai perihal (sifat dan sebagainya) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau budi pekerti). Lanjutan daripada itu, Mustafa Haji Daud (1995) memberi pengertian berbudi bahasa sebagai percakapan yang baik, elok dalam tutur kata, halus tutur kata, hormat, bijaksana, tinggi budi bicara, pemurah, belas kasihan, beradab, bersopan santun, bertata tertib, berbudi pekerti mulia, tingkah laku yang baik, dan akhlak yang baik dalam diri setiap individu dan masyarakat.

Walau pun demikian, dewasa ini kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia kian sirna terutamanya dalam kalangan remaja. Menurut mantan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim (Utusan Malaysia 1 Julai 2011) tahap kesantunan generasi muda kini semakin menurun berbanding dengan belia di negara luar. Pendapat yang sama telah turut disuarakan oleh Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah, (Utusan Malaysia, 7 Julai 2011) dalam Sidang Dewan Negara. Menurut Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah, bahasa Melayu golongan muda merosot kerana terdapat segelintir dalam kalangan mereka bertindak biadab dalam penggunaan bahasa ketika berkomunikasi. Hal ini menggambarkan amalan berbahasa remaja atau generasi muda di Malaysia kini tidak menitikberatkan nilai kesantunan dan berbudi bahasa sebagai etika berkomunikasi.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian kesantunan telah banyak dilakukan oleh sarjana terdahulu, antaranya Yuoguo GU (1990), *Politeness Phenomena in Modern Chinese*, Atsushi Fukada dan Noriko Asato (2002), *Universal politeness theory: application to the use of Japanese honorifics*, Rebecca Bayles (2009), *An investigation into politeness, small talk and gender*, Verónica Vera (2010), *The Negotiation of Politeness in Business Meetings: A Study of Argentine Speakers of English*. Edward Bridge (2010), Marlyna Maros (2011), Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran, T. S. Tengku Intan Suzila dan M. N. Mohd Yusri. (2012), *Politeness: Adolescents in Disagreements*, Nurlina Arisnawati (2012) Strategi Kesantunan Tindak Tutur Penolakan dalam Bahasa Makassar dan beberapa kajian lagi. Manakala kajian ketidaksantunan yang merujuk kepada kekerasan verbal telah juga diteliti dan dilakukan oleh para sarjana. Antaranya, I Dewa Putu Wijana (2008), Kata-kata Kasar dalam Bahasa Jawa, I Wayan Pastika (2008), Bahasa Pijin dan Bahasa Kasar dalam Acara TV Indonesia, Camille Denizot (2012), *Impolite orders in Ancient Greek?*, Sri Minda Murni dan Mutsyuhito Solin (2012), *Linguistic Impoliteness : A Small Corpus Analysis on the Use of Impolite Language by Children*, Sukarno (2011), Perilaku Berbahasa dan Budaya Korupsi di Indonesia, Agung Promujiono (2011), Strategi Ketidaksantunan dalam Wacana Dialog di Televisi dan beberapa kajian lain.

Daripada kajian-kajian kesantunan dan ketidaksantunan yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu, ternyata masih ada ruang untuk penyelidik menjalankan kajian yang melibatkan pelajar khususnya di UUM. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, penyelidik mendapati bahawa masih terdapat ruang yang lompang untuk penyelidik menjalankan penyelidikan ini bagi mengenal pasti sama ada amalan kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pelajar UUM khususnya diperaktikkan ataupun sebaliknya.

OBJEKTIF

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti amalan kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa yang diperaktikkan dalam kehidupan sehari-hari pelajar semasa berada di dalam kampus.

METODOLOGI

Data kajian dikumpul menggunakan borang soal selidik dan hasil temu bual. Seramai 517 orang pelajar terlibat menjadi responden dalam kajian ini yang terdiri daripada 142 orang pelajar lelaki dan 375 orang pelajar perempuan. Manakala teori yang mendasari kajian ini ialah Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987).

Brown dan Levinson (1987) telah mengemukakan teori kesantunan. Dalam teori kesantunannya, Brown dan Levinson (1987) telah mengemukakan dua jenis 'muka', iaitu muka positif dan muka negatif. Muka positif ialah hasrat seseorang untuk dipandang secara positif oleh orang lain, dan muka negatif ialah hasrat seseorang agar otonomi peribadinya dihargai oleh orang lain.

Dengan kata lain, muka negatif adalah keinginan individu untuk merasakan hak, kebebasan dan kuasa autonomi terhadap tindakan atau perlakuannya. Dengan demikian 'muka' secara keseluruhan adalah citra diri seseorang di hadapan khalayak. Muka ialah sesuatu yang harus dipelihara. Muka juga sesuatu yang dapat terancam. Tindak tutur yang mengancam muka seseorang disebut *face-threatening act (FTA)* manakala tindak tutur yang memelihara muka seseorang disebut *face-saving act (FSA)*. Sehubungan itu, sebarang bentuk dan lakukan bahasa yang mengundang risiko kepada air muka seseorang dianggap mengancam 'muka' (Brown dan Levinson, 1978;1987).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menunjukkan 32 item soal selidik berkenaan amalan kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pelajar UUM yang menjadi responden berdasarkan skala likert yang diberikan. Hal ini dapat dirujuk pada senarai jadual di bawah:

Skala :	STS	- Sangat Tidak Setuju	S	- Setuju
	TS	- Tidak Setuju	SS	- Sangat Setuju
	KS	- Kurang Setuju		

1) Amalan kesantunan berbahasa yang diperaktikkan oleh pelajar UUM

Saya mengamalkan kesantunan berbahasa ketika:	N=517 Peratus (%)					Min.	S.P
	STS	TS	KS	S	SS		
1. Berhadapan dengan pensyarah di dalam kelas	-	-	13 2.5%	219 42.4 %	285 55.1 %	4.53	.548
2. Bertanya soalan kepada pensyarah	-	1 .2%	23 4.4%	225 43.5 %	268 51.8 %	4.47	.592

3.	Respon/menjawab soalan pensyarah	-	-	12 2.3%	254 49.1 %	251 48.5 %	4.46	.544
4.	Bertemu dengan pensyarah di luar kelas (dalam kawasan universiti)	-	2 .4%	22 4.3%	266 51.5 %	227 43.9 %	4.39	.589
5.	Berurusam dengan pegawai di kaunter/pejabat	-	3 .6%	16 3.1%	250 48.4 %	248 48%	4.44	.586
6.	Bertemu dengan pelajar senior	-	14 2.7%	74 14.3 %	315 60.9 %	114 22.1 %	4.02	.687
7.	Bertemu dengan pelajar junior	-	12 2.3%	92 17.8 %	311 60.2 %	102 19.7 %	3.97	.684
8.	Bertemu dengan pelajar lain (sama jantina)	2 .4%	11 2.1%	66 12.8 %	322 62.3 %	116 22.4 %	4.04	.686
9.	Bertemu dengan pelajar lain (lain jantina)	1 .2%	10 1.9%	73 14.1 %	329 63.6 %	104 20.1 %	4.02	.662
10.	Bertemu dengan pelajar yang berlainan bangsa/etnik	-	6 1.2%	40 7.7%	333 64.4 %	138 26.7 %	4.17	.603
11.	Respon/menjawab soalan rakan	4 .8%	9 1.7%	77 14.9 %	321 62.1 %	106 20.5 %	4.00	.703
12.	Respon negatif terhadap rakan (senior/junior)	27 5.2 %	49 9.5 %	197 38.1 %	197 38.1 %	47 9.1%	3.36	.958
13.	Meminta izin untuk memberi pendapat	-	10 1.9%	42 8.1%	309 59.8 %	156 30.2 %	4.18	.654
14.	Menunggu bas di stesen/perhentian bas	4 .8%	17 3.3 %	119 23%	274 53%	103 19.9 %	3.88	.786
15.	Berada di Dewan Penginapan Pelajar (DPP)	1 .2%	19 3.7 %	102 19.7 %	268 51.8 %	127 24.6 %	3.97	.779
16.	Melakukan aktiviti pelajar di Pusat Pengajian	-	3 .6%	48 9.3%	316 61.1 %	150 29%	4.19	.610
17.	Melakukan aktiviti kokurikulum	-	11 2.1%	54 10.4 %	306 59.2 %	146 28.2 %	4.14	.674
18.	Berada di perpustakaan	1 .2%	11 2.1%	34 6.6%	270 52.2	201 38.9	4.27	.695

					%	%		
19.	Berada di kafeteria/kantin	7 1.4 %	17 3.3 %	95 18.4 %	284 54.9 %	114 22.1 %	3.93	.809

Berdasarkan 19 item soal selidik, iaitu item 1 hingga item 19 berkenaan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar UUM, didapati respon pelajar terhadap 15 item soal selidik menunjukkan (97.5%) pelajar mengamalkan kesantunan berbahasa ketika ketika berhadapan dengan pensyarah di dalam kelas, bertanya soalan kepada pensyarah (95.3%), respon/menjawab soalan pensyarah (97.6%), ketika bertemu dengan pensyarah di luar kelas (dalam kawasan universiti) (95.4%), sewaktu berurusan dengan pegawai di kaunter/pejabat (96.4%), ketika bertemu dengan pelajar senior (83%), ketika bertemu dengan pelajar junior (79.9%), ketika bertemu dengan pelajar lain (sama jantina) (86%), ketika bertemu dengan pelajar lain (lain jantina) (83.7%), ketika bertemu dengan pelajar berlainan bangsa/etnik (91.1), semasa respon/menjawab soalan rakan (82.6%), meminta izin untuk memberi pendapat (90%), ketika melakukan aktiviti pelajar di Pusat Pengajian (90.1%), semasa melakukan aktiviti kokurikulum (87.7%), dan ketika berada di perpustakaan (91.1%). Manakala respon pelajar terhadap empat item selebihnya menunjukkan bahawa (52.8%) pelajar kurang mengamalkan kesantunan berbahasa ketika memberi respon negatif terhadap rakan (senior/junior), diikuti (27.1%) orang pelajar ketika mereka menunggu bas di stesen/perhentian bas, (23.6%) orang pelajar ketika berada di Dewan Penginapan Pelajar dan ketika berada di kafeteria/kantin (23.1%).

Daripada 15 item dapatan kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa orientasi pada konsep ‘muka’ Brown dan Levinson, pelajar yang menjadi responden mengamalkan kesantunan berbahasa dalam konteks yang formal dan agak formal dengan mengambil kira diri pendengar dan juga kaitannya dengan faktor-faktor lain seperti status sosial, usia, keakraban, tempat atau lokasi dan situasi ketika berkomunikasi. Walau pun begitu, dapatkan terhadap empat item soal selidik yang selebihnya menunjukkan bahawa dalam konteks yang tidak formal, iaitu ketika memberi respon negatif terhadap rakan (senior/junior), sewaktu menunggu bas di perhentian bas, ketika berada di Dewan Penginapan Pelajar dan ketika berada di kafeteria/kantin, didapati bahawa pelajar kurang mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi mereka. Hal ini demikian kerana pelajar menganggap bahasa yang digunakan oleh mereka itu sesuai mengikut konteks yang melatarinya dan menunjukkan nilai keakraban tanpa menyinggung perasaan seseorang.

2) Amalan ketidaksantunan berbahasa yang dipraktikkan oleh pelajar UUM

Saya mengamalkan ketidaksantunan berbahasa kerana/apabila:	N=517 Peratus (%)					Min.	S.P
	STS	TS	KS	S	SS		
20. Suka mengamalkannya (kepuasan diri)	227 (43.9 %)	130 (25.1 %)	114 (22.1 %)	33 (6.4%)	13 (2.5%)	1.98	1.06 9
21. Ibu bapa/keluarga mengamalkan ketidaksantunan	338 (65.4 %)	124 (24%)	39 (7.5 %)	13 (2.5%)	3 (.6%)	1.49	.789

22.	Rakan-rakan mengamalkan ketidaksantunan	154 (29.8 %)	182 (35.2 %)	109 (21.1 %)	64 (12.4 %)	8 (1.5%)	2.21	1.050
23.	Menyerang seseorang seseorang (pendengar)	161 (31.1 %)	162 (31.3 %)	119 (23%)	64 (12.4 %)	11 (2.1%)	2.23	1.085
24.	Orang lain yang lebih dahulu tidak santun kepada saya (mempertahankan diri)	68 (13.2 %)	124 (24%)	134 (25.9 %)	150 (29%)	41 (7.9%)	2.95	1.172
25.	Menunjukkan keegoan diri	180 (34.8 %)	181 (35%)	104 (20.1 %)	46 (8.9%)	6 (1.2%)	2.07	1.004
26.	Menonjolkan taraf identiti (senior/junior)	199 (38.5 %)	163 (31.5 %)	107 (20.7 %)	39 (7.5%)	8 (1.5%)	2.03	1.026
27.	Untuk mendapat penghormatan (<i>respect</i>) daripada orang lain.	213 (41.2 %)	155 (30%)	102 (19.7 %)	39 (7.5%)	8 (1.5%)	1.98	1.026
28.	Tidak mahu dipermain-mainkan oleh orang lain	107 (20.7 %)	111 (21.5 %)	128 (24.8 %)	144 (27.9 %)	27 (5.2%)	2.75	1.213
29.	Ibu bapa/keluarga tidak kisah (marah) sekiranya saya mengamalkan ketidaksantunan berbahasa	332 (64.2 %)	101 (19.5 %)	47 (9.1 %)	28 (5.4%)	9 (1.7%)	1.61	.978
30.	Masyarakat tidak kisah sekiranya saya mengamalkan ketidaksantunan berbahasa	267 (51.6 %)	138 (26.7 %)	77 (14.9 %)	31 (6%)	4 (.8%)	1.78	.962
31.	Stress/tekanan	99 (19.1 %)	121 (23.4 %)	134 (25.9 %)	132 (25.5 %)	31 (6%)	2.67	1.200
32.	Kisah lalu (sejarah)	148 (28.6 %)	148 (28.6 %)	129 (25%)	80 (15.5 %)	12 (2.3%)	2.34	1.118

Berdasarkan 12 item soal selidik amalan ketidaksantunan, iaitu item 20 hingga 32, didapati kebanyakan pelajar “sangat setuju” dan “setuju” bahawa mereka tidak mengamalkan ketidaksantunan berbahasa pada sembilan item soal selidik. Hanya sebilangan kecil yang sangat setuju dan setuju bahawa mereka mengamalkan ketidaksantunan berbahasa kerana suka mengamalkannya untuk kepuasan diri (8.9%), ibu bapa/keluarga mengamalkan ketidaksantunan (3.1%), rakan-rakan mengamalkan ketidaksantunan (13.9%), menyerang

seseorang seseorang (pendengar) (14.5%), menunjukkan kegoan diri (10.1%), menonjolkan taraf identiti (senior/ junior) (9%), untuk mendapat penghormatan (*respect*) daripada orang lain (9%), ibu bapa/keluarga tidak kisah (marah) sekiranya saya mengamalkan ketidaksantunan berbahasa (7.1%), masyarakat tidak kisah sekiranya saya mengamalkan ketidaksantunan berbahasa (6.8%), dan kisah lalu (sejarah) (17.8%). Walau bagaimanapun tiga item selebihnya, iaitu sebanyak (36.9%) pelajar akan mengamalkan ketidaksantunan berbahasa sekiranya orang lain yang lebih dahulu tidak santun kepada mereka (mempertahankan diri), (33.1%) tidak mahu dipermain-mainkan oleh orang lain dan (31.5%) ketika pelajar mengalami stress/tekanan.

Daripada dapatan yang dipaparkan, dapatlah disimpulkan bahawa orientasi pada konsep ‘muka’ Brown dan Levinson, pelajar yang menjadi responden kebanyakannya mengamalkan kesantunan berbahasa. Hanya segelintir pelajar sahaja yang mengamalkan ketidaksantunan berbahasa bukan sahaja di UUM bahkan dalam konteks yang lebih luas, iaitu dalam kehidupan seharian mereka dalam berkeluarga dan bermasyarakat. Konsep muka yang diorientasikan oleh Brown dan Levinson ini diaplikasi dan diamalkan dalam kehidupan seharian pelajar di UUM khususnya yang ada kaitannya dengan faktor-faktor lain seperti seperti status sosial, usia, keakraban, tempat atau lokasi dan situasi ketika berkomunikasi.

Melalui temu bual yang dijalankan juga, pelajar menyatakan bahawa mereka sememangnya sudah biasa mengamalkan kesantunan berbahasa dalam kehidupan seharian mereka dan sikap itu bukanlah dibuat-buat untuk mendapatkan perhatian dan pujian daripada orang lain. Mereka hanya akan mengamalkan ketidaksantunan berbahasa sekiranya ada tindak tutur yang mengancam muka *face-threatening act (FTA)* mereka. Sebarang bentuk dan lakuhan bahasa yang mengundang risiko kepada air muka atau dianggap mengancam ‘muka’ (Brown dan Levinson, 1978;1987) mereka, mereka akan menggunakan kekerasan verbal untuk mempertahankan diri.

KESIMPULAN

Kesantunan berbahasa adalah prinsip atau kesepakatan yang harus dipatuhi di antara dua belah pihak yang berkomunikasi, oleh penutur dan pendengar. Kesantunan berbahasa pada hakikatnya adalah upaya untuk mengurangi dampak negatif pada khalayak, atau hak dan kewajiban dalam mengeratkan hubungan sosial dalam suatu percakapan terutamanya dalam kalangan pelajar. Menerusi kajian ini, pelajar yang menjadi responden didapati mengamalkan kesantunan berbahasa dalam konteks yang agak formal, walau bagaimanapun dalam konteks yang kurang formal dan dalam keadaan yang mendesak atau terpaksa, mereka akan mengamalkan ketidaksantunan berbahasa dalam komunikasi seharian mereka.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Fuad Mat Hassan, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Hj. Sharifudin Yusop & Kamariah Kamarudin. 2012. Ketidaksantunan Negatif dalam Pertuturan Remaja. *Manifestasi Bahasa dalam Budaya*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Atsushi Fukada dan Noriko Asato (2002). Universal politeness theory: application to the use of Japanese honorifics. *Journal of Pragmatics*. 36 (2004) 1991–2002.
- Brown, P & Levinson, S.C (1987). Politeness Some Universals in Language Usage. New York: Cambridge University Press.
- Brown, P. dan S. C. Levinson. (1987). *Politeness: some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Brown, Penelope, Levinson, Stephen C., (1978). Politeness. Universals in Language usage: Politeness Phenomenon. In: Goody, E. N. (ed.), *Questions and Politeness: Strategies in Social Interaction*. New York: Cambridge University Press.
- Eckert, Penelope, and McConnell-Ginet, Sally. (2003). *Language and Gender*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Edward Bridge (2010). Polite Israel and Impolite Edom: Israel's Request to Travel through Edom in Numbers 20.14-21 *Journal for the Study of the Old Testament*. Vol 35.1 (2010): 77-88
- Firdaus Abdullah (2011). Bahasa Melayu Golongan Muda Merosot. Utusan 7 Julai 2011
- Fishman, Pamela,M. (1983). *Language, gender, & society* (pp. 89-102). Rowley, MA: Newbury House.
- Grice, H. P. 1975. Logic and conversation. Dalam P. Cole dan J.L. Morgan (ed). *Syntax and semantics 3: speech acts*. NY: Academic Press.
- Holmes, Janet, Stubbe, Maria, (2003). Power and Politeness in the Workplace. Pearson <http://nani-eu.blogspot.com/2008/06/52sopan-santun-bahasa.html>
- Ibrahim Abu Shah et. al. (1999). *Gaya Hidup Remaja Masa Kini*. BIROTEKS. Shah Alam: Institut Teknologi MARA
- Janet Holmes (1995). *Women, Men and Politeness*. London: Longman Publisher.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, R.T. 1975. *Language and women's place*. NY: Harper Colophon.
- Lakoff, Robin (1989). The limits of politeness. *Multilingua* 8, 101-129
- Lee Lam Thye (2011). Kesedaran Sivik Remaja Kian Merosot. *Utusan Malaysia*, 21 Julai 2011.
- Marlyna Maros (2011). Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik. Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*. Jilid 3. (2011) 7-21
- Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pratama Baryadi, (2008). Berbahasalah Dengan Sopan Santun, Dimuat turun pada 5 Okt. 2010 daripada
- Rais Yatim (2011). Tahap Kesopanan Generasi Muda Kini Semakin Menurun Berbanding dengan Belia di Negara Luar. *Utusan Malaysia* 1 Julai 2011.
- T. S. Tengku Intan Suzila and M. N. Mohd Yusri. (2012). Politeness: Adolescents in Disagreements *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 2, No. 2, March 2012
- Watts, Richard J. (2003). *Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Watts, Richard J. (2008). Rudeness, Conceptual blending theory and relation work. *Journal of Politeness Research: Language, Behavior, Culture* 4 (2): 289-317.

- Yuoguo GU (1990), Politeness Phenomena in Modern Chinese. *Journal of Pragmatics*. 14 (1990) 237-257.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2010). Kekerasan Verbal dalam Komunikasi Remaja : Satu Pelanggaran Maksim Kesantunan. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. UPM, DBP & KPKK.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, (2010). Kekerasan Verbal dalam Kalangan Remaja Malaysia. Simposium Kebudayaan Malaysia Indonesia (Sebumi). FSSK UKM.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2015. Kesopanan Berbahasa dalam Kalangan Remaja. *Malaysia-Indonesia: Bahasa, Sastera dan Budaya*. 114-126. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan, dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama. 2011. Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal bahasa*. Jld. 11 Bil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.